

Isu PTPTN sekadar umpan tarik undi

MENGULAS kenyataan penulis dalam satu artikel, 'Baiki PTPTN kurangkan beban pelajar' yang dilaporkan dalam ruangan forum *Berita Harian* pada 26 April 2012 yang menyatakan isu pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditimbulkan untuk memancing undi bagi pilihan raya akan datang.

Saya tertarik dan juga sangat bersetuju kerana PTPTN sebenarnya memang tidak wajar dijadikan isu semata-mata atau dijadikan wadah memancing undi terutama mahasiswa.

Justeru, pembangkang seharusnya memikirkan kaedah terbaik dan bukannya mempertaruhkan mereka dalam mencapai agenda semata-mata.

Saya juga tertanya-tanya mengapa isu PTPTN ini boleh dimainkan pihak tertentu untuk memancing undi daripada pelajar khususnya mahasiswa sedangkan selama ini PTPTN sumber ataupun medium terpenting dalam membantu pelajar untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pihak yang menimbulkan masalah isu ini juga tidak sepatutnya mengheret pelajar dalam mainan politik. Saya bukannya menafikan hak pelajar untuk terbabit dalam politik, tetapi berasakan masa pelajar tidak seharusnya dihabiskan dengan perkara yang membawa kemudaratan kepada diri mereka sendiri sehinggakan sanggup melakukan demonstrasi yang tidak berkesudahan.

Saya juga ingin menegaskan PTPTN tidak perlu dijadikan isu sebagai umpan menarik undi kerana dengan adanya PTPTN, pelajar akan berusaha lebih.

Sekiranya pinjaman PTPTN ini dimansuhkan, saya berasakan pelajar khususnya mahasiswa tidak lagi berasa tanggungjawab dan tidak pandai berdikari dalam menunaikan amanah sebagai pelajar.

Saya fikir PTPTN tidak perlu dimansuhkan, tetapi perlu diperbaiki seperti tiada bunga ataupun riba dalam pembayaran balik pinjaman itu supaya pelajar ada daya saing serta bersungguh-sungguh untuk mengejar ilmu.

Akhir kata, saya berasakan kerajaan sudah memberi banyak kemudahan dan bantuan kepada rakyat khususnya mahasiswa.

**Nurul Huda
Samsudin,**

*Universiti Sains Islam
Malaysia.*